



## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

### **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 TAHUN 2008**

#### **JAWAPAN/MAKLUM BALAS TERHADAP PEMERHATIAN AUDIT UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tempoh bagi menjawab/memberi maklum balas mengenai pertanyaan/pemerhatian audit oleh Unit Audit Dalam.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Surat Pekeliling ini disediakan adalah untuk menetapkan tempoh bagi menjawab/memberi maklum balas mengenai pertanyaan/pemerhatian audit oleh Unit Audit Dalam. Ini adalah berikutan dengan Kajian Terhadap Keberkesanan Fungsi Unit Dalam di Kementerian ini oleh Jabatan Audit Negara. Antara penemuan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara bahawa terdapat banyak pemerhatian audit oleh Unit Audit Dalam lewat dijawab.

#### **TANGGUNGJAWAB JABATAN/PUSAT TANGGUNGJAWAB**

3. Setiap pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam akan disusuli dengan pemerhatian audit kepada pihak auditi. Adalah menjadi tanggungjawab pihak auditi untuk menjawab/memberi maklum balas terhadap pemerhatian audit.

4. Tempoh bagi menjawab/memberi maklum balas terhadap pemerhatian audit oleh Jabatan Audit Negara telah ditetapkan dalam **Arahan Perbendaharaan 306** yang menyatakan, "*Adalah menjadi kewajipan semua pegawai awam memberi kepada Ketua Audit Negara segala kemudahan yang perlu dalam masa melaksanakan kewajipannya dan menjawab apa-apa pertanyaan audit dengan cepat iaitu tidak lewat dari satu bulan dari tarikh pertanyaan audit dialamatkan kepada mereka*".

5. Selaras dengan Arahan tersebut, **semua pemerhatian audit oleh Unit Audit Dalam juga hendaklah diberi maklum balas dengan segera dan tidak lewat sebulan dari tarikh pemerhatian audit dikeluarkan**. Jawapan yang lewat akan melengahkan lagi tindakan pembetulan dan ini menyebabkan sesuatu kelemahan/kesilapan berterusan.

6. Sekiranya jawapan/ulasan tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan, surat-surat peringatan akan dikeluarkan seperti berikut:

- a) Surat peringatan pertama dikeluarkan selepas satu bulan dari tarikh sesuatu pemerhatian audit; dan
- b) Surat peringatan kedua dikeluarkan selepas 15 hari dari tarikh surat peringatan pertama. Surat peringatan ini ditandatangani oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) menghendaki auditi memberi tunjuk sebab kenapa tindakan tidak boleh diambil terhadap kegagalan auditi mengemukakan jawapan/maklum balas kepada pemerhatian audit.

7. Sekiranya sesuatu isu yang dibangkitkan itu memerlukan masa/tempoh untuk dijawab/diberi ulasan, surat permohonan untuk melanjutkan tempoh menjawab perlu dihantar ke Unit Audit Dalam dengan menyatakan sebab-sebabnya serta tempoh masa yang diperlukan.

## TINDAKAN

8. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Bahagian/Ketua Jabatan dan Ketua Agensi diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi semua arahan yang dinyatakan.

## PEMAKAIAN

9. Pemakaian Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Ketua Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Kementerian Belia dan Sukan.

## TARIKH KUATKUASA

10. Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.



DATO' MOHD YASIN MOHD SALLEH  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan

Tarikh: 9 Januari 2008